

## Aurat Wanita-Wanita Islam Sudah Terkeluar dari Batasan Hukum Islam

Baharu-baharu ini telah timbul suatu masalah “bahawa suara itu aurat” yang difatwakan oleh jabatan agama Johor, telah disambut oleh orang mengatakan bahawa suara itu bukan aurat dan fatwa itu mengelirukan. Kita tidak membahas apa lagi menentang fatwa itu, tetapi seperkara yang patut menjadi perhatian jabatan-jabatan agama, termasuk Jabatan Agama Johor, ialah amalan atas sesuatu hukuman yang tertentu atas sesuatu perkara hendaklah dilaksana dan dijalankan. Umpamanya perkara pakaian wanita Islam dikhalayak ramai, terutamanya di dalam majlis-majlis peraduan Qur’an atau berzanji yang dianjurkan sendiri oleh pejabat-pejabat agama hingga ke peringkat negeri. Pakaian-pakaian para qariah yang dihantarkan oleh jabatan-jabatan agama masing-masing itu, terlihat daripada gambarnya di televisyen, tidak lagi menutup aurat dengan wajarnya. Maka dengan demikian betapa pula hendak melaksanakan fatwa suara wanita yang mengaji al-Qur’ān di khalayak ramai itu aurat?

[Oleh Penulis Khas Qalam]

Dengan adanya fatwa-fatwa, tetapi tidak diamalkan menjadikan orang-orang awam atau kaum yang tipis pengetahuannya dalam hukum agama mudah mengatakan bahawa wanita-wanita Islam yang bertudung itu ortodok, kolot dan seumpamanya, serta tidak moden dan tercicir ke belakang oleh kemajuan zaman. Tidak mengapa mereka berdedah, yang perlunya hanya diisi iman di dadanya – kata mereka. Demikianlah keadaan pendapat ini sekarang yang kita dengar dan kita lihat dan dirasa benar pahitnya perkataan itu oleh golongan agama – yang kalau banyak berkata akan dituduh masuk golongan itu atau golongan ini – pada hal langkah yang diwajibkan ke atas mereka ialah menegakkan tugas yang diwajibkan agama menyampaikan kepada mereka.

Cuba perhatikan pandangan-pandangan mereka kepada masalah aurat wanita ini sebelum kita mengkaji tentang hukum Allah ke atasnya. Di dalam sebuah rencana yang ditulis oleh seorang penulis khas sebuah surat khabar harian berbahasa melayu, ada menceritakan lawatan dan pandangan seorang pemimpin “wanita Islam” di Tanah Melayu ke tanah

yang dikuasai oleh Soviet Rusia. Apabila beliau sampai di sebuah tempat bernama “Samarqandi” yang dikenal oleh orang-orang Islam di sini masa dahulu sebagai daerah Bukhari, maka apabila ia terpanchang wanita-wanita Islam di sana memakai tudung dan bergaun panjang di bawah lutut yang tentunya pula berstokin, maka ia menyatakan perempuan-perempuan Islam di situ masih kolot - tidak berkemajuan. Mereka bertutup kepala boleh jadi kerana menutup hawa dingin di negeri itu (bukan kerana menutup aurat? –P) dan perempuan-perempuan yang memakai mini skirt dipandang mereka serong - (ertinya perempuan-perempuan yang memakai mini skirt itu boleh jadi dipandang moden - P). Begitulah pandangan pemimpin-pemimpin wanita Islam terhadap pakaian saudaranya wanita Islam di negeri Islam yang ditindas komunis.

Kita mengetahui bahawa umat Islam di negara-negara Islam Turkistan selama di bawah pemerintahan Komunis adalah ditindas. Hanya dalam tiga tahun atau empat tahun ini “dilonggarkan” sedikit setelah umat Islam cuba

dihapuskan tetapi mereka masih tetap berpegang teguh kepada agama Islam yang mereka anuti.

Di dalam sebuah negara komunis di tengah-tengah benua Eropah di Yugoslavia yang penduduknya hampir-hampir dua million umat Islam, menurut saudara Husin M. Atshin di dalam majalah “Zi Muslim” yang diterbitkan di London, menyatakan dalam lawatan ke sana bahawa umat Islam baharu tiga tahun ini “dilegakan” sedikit kebebasan beragama. – sebelumnya ditindas dengan keras terutamanya sampai sekarang seperti di Albania di dalam mana hendak mengerjakan sembahyang pun dilarang,

Pada tahun 1950, katanya, di sana diperundang-undangkan bahawa wanita diharamkan memakai burqaq – menutup mukanya. Kalau didapati ada wanita Islam yang melakukan demikian akan dihukum penjara, tetapi memakai tudung kepala tidak diharamkan. Di Sarajevo ia mendapati isteri-isteri orang-orang Islam di sana apabila keluar dari rumah, mereka terus memakai tudung kepala hingga kepada hari ini. Kalau ada ceramah-ceramah agama yang diadakan

## Aurat wanita Islam...

di dalam masjid yang dihadiri oleh kaum lelaki dan wanita – lelaki tempat duduknya dihadapan sedang wanita di belakang dengan cukup menutup aurat seluruhnya mengikut yang disuruh oleh Islam.

Ini terjadi di tengah-tengah benua Eropah, tempat pusatnya kemajuan orang-orang Barat yang tidak jauh dari negeri Perancis. Apakah perbuatan mereka ini kolot dan orang-orang kita yang sudah membuang tudung sekarang sebagai orang yang berkemajuan atau orang jahiliyah?

Soal aurat perempuan tidak sama dengan aurat lelaki. Di dalam surah al-Nūr ayat 31 Tuhan dengan tegas memerintahkan (maksudnya):

“Janganlah mereka (perempuan-perempuan) itu menampakkan perhiasan mereka melainkan apa yang lahir sahaja, dan hendaklah mereka hulurkan tudung kepala mereka di atas dada mereka.”

Ayat yang tersebut di atas dijelaskan oleh hadith yang telah diriwayatkan oleh Ibn Jarīr yang berbunyi (maksudnya): Telah berkata Ibn ‘Abbās: Perhiasan yang zahir itu ialah muka, celak di mata, bekas hinai di tangan dan cincin di jari.”

Telah diriwayatkan (maksudnya): Telah berkata ‘Ā’ishah, sesungguhnya Asmā’ binti Abī Bakar pernah datang menghadap Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dengan berpakaian nipis, maka sabda Rasul Allah: Hai Asmā’! Sesungguhnya seorang perempuan apabila cukup umur tidak boleh dilihat akan dia melainkan ini dan ini, sambil

Rasulullah mengisyaratkan kepada muka dan dua tangan (Hadith Riwayat Abū Dāūd).

Di dalam Sūrah al-Aḥzāb ayat 20 Tuhan memerintahkan (maksudnya):

“Wahai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anakmu dan perempuan-perempuan Islam menghulurkan tudung seorang mereka atas (muka) mereka.”

Ertinya selain daripada memakai tudung yang tersebut di dalam hadith yang diriwayatkan oleh ‘Ā’ishah tadi, hendaklah perempuan-perempuan memakai tudung lagi di atas itu dan tudung ini hendaklah dihulurkan sedikit ke muka.

Puan Jameelah Begum seorang perempuan Amerika yang memeluk agama Islam adalah beramal dengan hukum ini dan beliau di dalam sebuah bukunya bergambar memakai burqaq. Adakah ini kolot? Atau ortodok? Atau tidak perlu – yang perlu iman di dada?

Jawapan kepada pendapat ini, bacalah riwayat hadith sahih riwayat Abū Dāūd dan al-Tarmidhī yang tersebut ini (maksudnya):

“Ummu Salamah berkata: Saya duduk dekat Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dan di situ ada Maymunah binti al-Hārith. Ketika itu datang Ibn Ummu Maktūm – berlaku sesudah kami diperintah berhijab – lalu ia masuk ke rumah kami, maka Rasul Allah bersabda: “Berlindunglah kamu daripadanya.” Kami berkata: ‘Ya Rasul Allah! Bukankah ia itu buta, tidak boleh melihat kami?’ Maka sabda Rasulullah ‘bukankah kamu berdua melihat dia?’”

Ini Rasulullah katakan kepada Ummu al-Mu’minīn yang beriman yang tidak

ada tolok bandingan imannya. Rasulullah sendiri menyuruh mereka menjauhkan pandangan dan mengawal diri. Betapakah memadai kita hanya menanam iman di dada sahaja untuk wanita kita dan membiarkan mereka bercampur-baur – di dalam pengajian dan seumpamanya terutamanya di dalam tempat-tempat yang mengajarkan ilmu-ilmu Islam?

Banyak perkara wanita yang kita boleh menulisnya - tetapi yang perlu kepada kita bukan hanya perkataan-perkataan, tetapi tetapi amalan. Pejabat-pejabat agama tiap-tiap negeri ada mempunyai sekolah-sekolah perempuan dan guru-guru agama perempuan – mengapakah mereka tidak memulakan dengan amalan terlebih dahulu untuk menunjukkan kepada masyarakat umum? Kita lihat murid-murid madrasah-madrasah agama memakai tudung-tudung putih – tetapi jangan tidak sahaja - tidak lengkap – menutup mana yang patut ditutup untuk melatih mereka kemudian kelak menjadi ibu Islam yang beramal kepada hukum Allah mengenai aurat.

Kita melihat di tempat-tempat pengajian tinggi Islam – wanita bersama-sama dengan lelaki diajarkan di sebuah kelas dengan pakaian yang tidak terkawal apa lagi mengawal pandangannya. Apakah ini boleh diharap menjadikan mereka akan beramal dengan latihan-latihan jasmani yang diajar oleh Islam untuk memimpin umat untuk menjadi wanita Islam?

Inilah persoalan-persoalan yang wajib dilihat dan difikirkan oleh pemimpin-pemimpin Islam, dan alim ulama Islam yang beramal dengan hukum Islam. Perhatikan tanggungjawab kita kelak terhadap mereka!